

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah *Persons Under Investigation* (PUI) dan *Persons Under Surveillance* (PUS) COVID-19 yang dikenakan kuarantin mandatori sehingga kini, mengikut negeri-negeri. Nyatakan butir-butir kos, termasuk bil penginapan hotel, yang ditanggung sehingga kini oleh Kementerian, mengikut negeri negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Person Under Surveillance* (PUS) adalah mereka yang tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala COVID-19 tetapi mempunyai faktor risiko jangkitan COVID-19 seperti kontak rapat kepada kes COVID-19 atau sejarah melawat ke kawasan yang berisiko COVID-19.
2. Manakala *Patient Under Investigation* (PUI) adalah mereka yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan (sesak nafas, batuk, sakit tekak) dan dengan atau tanpa demam dan sejarah perjalanan ke kawasan risiko jangkitan COVID-19, atau kontak rapat dengan kes COVID-19 dalam masa 14 hari. Semua PUI akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut.

SOALAN NO. 12

3. Mengambil kira risiko COVID-19 yang tinggi dalam kalangan PUS, Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk menempatkan PUS di stesen kuarantin. Oleh itu, sebanyak 1,572 premis telah diwartakan sebagai stesen kuarantin. Stesen kuarantin yang telah diwartakan termasuk Institut Latihan Awam (ILA), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), hotel, Kolej Universiti, Rumah Rehat dan Asrama. Sehingga 7 Julai 2020, sejumlah **321 buah stesen kuarantin yang terdiri dari 160 Institut Latihan Awam/ lain-lain dan 161 buah hotel**, yang telah diwartakan ini telah diaktifkan dan digunakan.

4. PUS bagi kontak kes COVID-19 menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian selama 14 hari di stesen kuarantin yang telah diwartakan bermula pada 14 Mac 2020. Sementara itu, PUS bagi rakyat yang pulang dari luar negara diwajibkan untuk perintah pengawasan dan pemerhatian di stesen kuarantin sejak 3 April 2020 sehingga 31 Mei 2020 di mana kos perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Manakala pada 1 Jun 2020 sehingga 9 Jun 2020, semua PUS dari luar negara dikehendaki untuk membayar separuh daripada kos perbelanjaan di stesen kuarantin. Pada 10 Jun 2020, semua PUS dari luar negara diwajibkan untuk menjalankan kuarantin di rumah sendiri / tempat penginapan. Sehingga 7 Julai 2020, sebanyak **107,628 PUS** telah diletakkan di bawah Perintah pengawasan dan pemerhatian di **321 buah** stesen kuarantin yang telah diwartakan yang terdiri daripada 160 premis Institut Latihan Awam (ILA) / lain-lain dan 161 buah hotel.

5. Setiap rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara (PUS) adalah diwajibkan menjalani saringan kesihatan di setiap pintu masuk antabangsa (PMA) Malaysia, yang termasuk lapangan terbang, pelabuhan dan pintu masuk darat negara. Sehingga 7 Julai 2020, sebanyak 65,990 sampel pertama (ujian *Real-time Reverse Transcription - Polymerase Chain Reaction* – rt-PCR atau *Rapid Test Kit Antigen* – RTK Ag) diambil bagi orang yang pulang dari luar negara. Bagi sampel yang positif, pesakit akan dirujuk terus ke hospital untuk menjalani rawatan. PUS juga diwajibkan untuk mengambil sampel kedua untuk ujian *Rapid Test Kit Antibodi* (RTK Ab) pada hari ke-13 sebelum tempoh kuarantin selama 14 hari tamat. Sehingga 9 Julai 2020 sejumlah **1,565,870** ujian rt-PCR dan RTK Ag telah dijalankan dari **829,988** individu, di makmal

SOALAN NO. 12

kerajaan dan swasta di seluruh negara. Dari jumlah ini, sejumlah **8,683 individu** yang telah didapati positif.

6. Skop tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di stesen kuarantin adalah dalam memberi sokongan teknikal dan perkhidmatan kesihatan termasuk saringan, rawatan, merujuk kes-kes bergejala dan kes positif ke hospital serta menjalankan pencegahan jangkitan termasuk pendidikan kesihatan dan pematuhan terhadap garis panduan sediaada. Petugas kesihatan membuat pemantauan gejala secara harian bagi setiap PUS sehingga tamat kuarantin. Di samping itu, mereka juga mengambil sampel *nasopharyngeal swab* pada hari pertama untuk ujian rt-PCR dan ujian RTK Antibodi (RTK Ab) pada hari ketigabelas.

7. Semua kos pengurusan Stesen Kuarantin ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sehingga 7 Julai 2020, NADMA telah membelanjakan sejumlah RM142 juta yang diperincikan seperti berikut:

- 7.1 RM105.4 juta: pengurusan stesen kuarantin hotel yang disalurkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;
- 7.2 RM29 juta: disalurkan kepada semua Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pengurusan stesen kuarantin di negeri masing-masing;
- 7.3 RM4 juta: mengurus stesen kuarantin di Institut Latihan Awam (ILA); dan
- 7.4 RM3.6 juta: pengurusan stesen kuarantin bagi menempatkan PUS yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana dari Wuhan, China, Iran, Itali dan Surabaya, Indonesia.

Sekian, terima kasih.